

# Perkembangan

Oleh Kadir Dikoh dan Johari Ibrahim

BH 19 APR 2001

KUALA LUMPUR, Rabu – Pegawai kumpulan A adalah antara yang dipilih dalam pemilihan Umno peringkat bahagian pada akhir minggu lalu, satu perkembangan baru selepas pindaan perlembagaan parti itu, November lalu.

Penolong Gabenor Bank Negara (Operasi dan Pelaburan), Datuk Dr Awang Adek Husin, dipilih sebagai Timbalan Ketua Umno Bahagian Bachok di Kelantan, menewaskan bekas Ketua Pemuda bahagian itu, Helmi Yusoff dengan majoriti 138 undi.

Dr Awang Adek, 46, dilahirkan di Bachok dan menjadi ahli Umno cawangan Perupok sejak empat

## Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Awang Adek Husin, dipilih sebagai Timbalan Ketua Umno Bahagian Bachok di Kelantan

tahun lalu, adalah doktor falsafah (PhD) dalam bidang ekonomi.

Beliau mendapat 244 undi manakala Helmi 106 undi. Jawatan itu kosong selepas Kadir Hassan mengundur diri. Jawatan ketua bahagian itu dikekalkan oleh Datuk Ahmad Shibuddin.

Perhimpunan Khas Umno November lalu antara lain meluluskan fasal 6.3.4 perlembagaannya bagi membolehkan pegawai

Kumpulan A menawarkan diri bertanding dan jika dipilih, mereka boleh memegang jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, Perkara 21 (1) Perintah Am untuk Kakitangan Awam (Perilaku dan Disiplin) 1993 melarang pegawai dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional mengambil bahagian secara aktif dalam parti politik.

Berdasarkan Perkara 21 (5), mereka hanya dibenar menjadi anggota biasa. Mereka dikehendaki memberitahu ketua jabatan mengenai keanggotaan mereka dalam parti politik.

Namun, Umno tidak menyekat pegawai kumpulan A untuk bertanding dan memegang jawatan dalam parti dan terpulang kepada pegawai itu sendiri membuat keputusan berkaitan perintah am.

Sehingga Ahad lalu, 60 bahagian sudah mengadakan mesyuarat. Esok, bahagian Langkawi mengadakan mesyuaratnya, Petaling Jaya Selatan pada Jumaat ini.

Pada Sabtu dan Ahad ini

# baru dalam Umno

pula, 53 bahagian di seluruh negara akan mengadakan mesyuarat. Semua 165 bahagian dijangka menyelesaikan mesyuarat pada 29 April ini.

Sementara itu, mesyuarat Umno bahagian Langkawi esok akan menyaksikan pertandingan dua penjuror bagi jawatan ketua antara penyandangannya yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib dengan ahli jawatankuasa bahagian itu, Fazil Taib.

Exco Belia dan Sukan negeri, Datuk Md Hassan Bulat yang juga penyandang jawatan timbalan dicabar Ketua Pemuda ba-

hagian, Nawawi Ahmad.

Bahagian lain yang akan bermesyuarat Sabtu ini ialah Kubang Pasu, Padang Terap, Padang, Sik, Padang Serai dan Yan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, bagaimanapun masing-masing menang jawatan ketua bahagian Kubang Pasu dan Sik tanpa bertanding.

Tumpuan kini diberikan kepada dua bahagian iaitu Padang Terap dan Yan.

Di Padang Terap, penyandang jawatan ketua bahagian, Datuk Dr Afifuddin Omar akan dicabar

oleh timbalannya, Datuk Ghazali Ibrahim.

Bekas Ahli Parlimen Yan yang juga ketua bahagian Yan, Datuk Badrudin Amiruddin pula akan dicabar bekas Ketua Pemuda bahagian, Datuk Suhaimi Abdullah. Suhaimi tidak mempertahankan jawatan ketua Pemuda bahagian kerana lebih usia.

Pertandingan sengit diramal bagi jawatan Timbalan Ketua di Kubang Pasu yang bakal menyaksikan pertandingan antara bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff dengan bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Saad Man.

Saad Man tidak memper-

tahankan jawatan Naib Ketua untuk bertanding jawatan lebih tinggi.

Setelah 60 bahagian bermesyuarat sehingga Ahad lalu, 11 muka baru menerajui bahagian masing-masing termasuk enam orang yang dipilih dalam mesyuarat terbaru pada akhir minggu lalu.

Mereka ialah Senator Rosli Mat Hassan yang menang tanpa bertanding sebagai ketua bahagian Dungun di Terengganu, peguam Zaid Ibrahim (Kota Bharu), Datuk Musa Sheikh Fadzir (Bukit Mertajam), Ismail Lasim (Kuala Pilah), Datuk Dr Rais Yatim (Jelebu) dan Ikhwan Salim Sujak (Petaling Jaya Utara).